

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 APRIL 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

## Malaysia prospek pelaburan tenaga



Woo-Hyun (tengah) menjadi panel pada forum Masa Depan Tenaga Bersih sempena Sidang Kemuncak KL20 2024 di Kuala Lumpur.

# Malaysia prospek pelaburan tenaga

Berpotensi muncul sebagai kuasa besar tenaga boleh diperbaharui

### KUALA LUMPUR

Malaysia bersedia menjadi kuasa besar dalam sektor tenaga bersih dan boleh diperbaharui di rantau Asia Tenggara terutama apabila permintaan terhadap tenaga elektrik semakin meningkat dengan kemunculan industri berteknologi tinggi, menurut pemain industri.

Pengerusi OCI Holdings Ltd, Lee Woo-Hyun berkata, terdapat banyak faktor menjadikan Malaysia prospek menarik untuk pelaburan tenaga, antaranya lokasi geografinya yang strategik, modal insan berpotensi dan dasar kondusif dilaksanakan kerajaan.

Menurutnya, di sebalik beberapa ketegangan geopolitik masa kini,

terdapat banyak pemain industri mencari kestabilan untuk membina rangkaian rantaian bekalan mereka di peringkat global.

Tambah beliau, Malaysia menjadi pilihan kerana ia negara yang berkecuali dan bebas sebarang konflik antarabangsa.

"Oleh itu, negara ini mempunyai banyak potensi untuk tenaga bersih.

"Apabila sebuah negara beralih ke arah industri berasaskan sumber asli bagi menambah nilai kepada perniagaan, ia memerlukan pelbagai tahap kemahiran berbeza dalam kalangan modal insan," katanya semasa forum 'Masa Depan Tenaga Bersih' sempena Sidang Kemuncak KL20 2024 di sini.

Menurut Woo-Hyun, Malaysia perlu mengambil inisiatif untuk melatih kumpulan pekerja dengan kemahiran diperlukan bagi tenaga bersih dan industri teknologi tinggi yang sedang pesat membangun.

Katanya, wujud ketidaksepadanan kemahiran dan ketidaksesuaian kelayakan graduan dengan keperluan industri, namun masih ada ruang untuk merapatkan jurang tersebut.

Sementara itu, Ketua Tenaga dan

Kuasa Bersih Asia Pasifik Google, Giorgio Fortunato yang juga ahli panel forum tersebut berkata, landskap tenaga sesebuah negara penting bagi pertumbuhan ekonomi digital.

Ini kerana menurutnya, syarikat teknologi bergantung kepada bekalan tenaga elektrik stabil dan boleh dipercayai untuk mengendalikan pusat data mereka dengan berkesan.

"Kami berada dalam detik peralihan ini. Kami melihat banyak pasaran di seluruh Asia Pasifik mencipta rangka kerja dasar baharu, mewujudkan cara baharu di mana penggunaan tenaga seperti kami boleh memperoleh tenaga bebas karbon.

"Tidak ada cara lebih baik bagi mengendalikan pusat data, selain dengan tenaga bersih," katanya.

Jelas beliau, gergasi teknologi itu komited menyediakan peluang kemahiran untuk 300,000 rakyat Malaysia menjelang 2026, meneroka potensi penubuhan pusat data bagi perkhidmatan digitalnya, mempercepatkan inovasi kecerdasan buatan (AI) untuk meningkatkan daya saing ekonomi dan membangunkan Dasar Awan Pertama bagi ekonomi AI. - *Bernama*